

UPSI unggul debat kenegaraan

Bangi: Pasukan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berjaya menewaskan Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) untuk mengungguli Pertandingan Debat Kenegaraan Piala Ungku Omar 2016.

Pada saingan yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, baru-baru ini, pasukan debat UPSI dibarisi pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Melayu) dengan Kepujian, Ku Mohd Syafiq Ku Fozi dan Canigia Udin Anak Ben.

Sambil mensyukuri kemenangan itu, Ku Mohd Syafiq berharap pasukan debat UPSI akan terus

konsisten melakar pencapaian membanggakan pada masa depan.

Bukan mudah

"Melempi setiap saringan pertandingan ini bukanlah semudah disangkakan kerana memerlukan ketekunan membuat kajian dan menerokai suatu isu serta berfikiran kritis," katanya.

Kemenangan itu menyaksikan pasukan johan membawa pulang hadiah piala pusingan, wang tunai RM1,500 dan piala iringan yang disampaikan oleh Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia.

Yang turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor

(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI, Profesor Madya Datuk Dr Junaidi Abu Bakar, dan rakan sejawatnya di UKM, Profesor Datuk Noor Aziah Mohd Awal.

Teruskan momentum

Pertandingan selama empat hari itu menghimpunkan pasukan debat daripada institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara.

Sementara itu Pandikar Amin dalam ucapan perasmianya turut memuji kehebatan disaksikan pada pertandingan berkenaan.

"Saya berharap momentum itu dapat diteruskan pada masa depan," katanya.



Pasukan debat UPSI gembira dinobatkan johan.